



BAHASA MELAYU  
TAHUN 5  
UNIT 15 KERANAMU  
MALAYSIA

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

## UNIT 15 KERANAMU MALAYSIA

### Bahasa Asas Kewarganegaraan

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

**Bahasa Ilmu**  
digunakan untuk menyampaikan pelbagai ilmu pengetahuan

**Bahasa Pentadbiran**  
wajib digunakan dalam semua urusan rasmi pentadbiran kerajaan

**Bahasa Perhubungan**  
digunakan dalam perhubungan antara masyarakat yang berlainan bangsa

#### Enam Peranan Bahasa Kebangsaan

**Bahasa Pengantar**  
digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara

**Bahasa Ekonomi**  
digunakan dalam urusan ekonomi dan perdagangan

**Bahasa Perundangan**  
digunakan dalam semua urusan perundangan

Berdasarkan maklumat di atas

1. Bagaimanakah kedudukan dan peranan Bahasa Melayu di negara kita?

---

---

2. Mengapakah bahasa kebangsaan digunakan dalam sistem pendidikan kita?

---

---

3. Pada pendapat kamu, mengapakah penguasaan bahasa Melayu penting bagi semua warganegara Malaysia?

---

---

## Sayangi Warga Emas

(isi peta pemikiran di bawah berdasarkan maklumat buku teks ms111)

### Sayangi Warga Emas




IMBAS SAYA

Pohon bidara di tanah rata,  
Di atas guni buah kepayang;  
Marilah pelihara warga emas kita,  
Hidup harmoni warga penyayang.

Banyak semalu di kebun ciku,  
Anak lada tumbuh mencelah;  
Persilakan dahulu warga emasku,  
Kita yang muda biarlah beralah.

Muara Langat nampak bebayang,  
Indah muara berlabuh bahtera;  
Warga emas diingat dan disayang,  
Hidup terpelihara negara sejahtera.

Pucuk pegaga hijau di muara,  
Dikutip saudara makan sedulang;  
Kebajikan warga keutamaan negara,  
Rakyat sejahtera makmur cemerlang.



## WARGANEGARA SEJAHTERA

Sejahtera Malaysia	Malaysia ibu Pertiwi
Puji dan syukur pada Ilahi Anugerah-Nya tiada terhingga Kedamaian kemakmuran Malaysiaku bahagia	Puji dan syukur pada Ilahi Anugerah-Nya tiada terhingga Kedamaian kemakmuran Malaysiaku bahagia
Dengan <b>tekad untuk Berjaya</b> Berbakti <b>pada nusa dan bangsa</b> Kami junjung <b>cita-cita luhur</b> <b>Perpaduan seluruh negeri</b>	Dengan azam untuk cemerlang Berbakti pada bangsa dan negara Kami junjung Rukun Negara Kesetiaan kepada pertiwi
(korus) <b>Seia sekata sehati sejiwa</b> <b>Menghadapi cabaran</b> <b>Kami setia kami sedia</b> <b>Berkorban untuk negara</b>	
<b>Bersemarak Malaysia tercinta</b> <b>Kibarkan panji kebesarannya</b> <b>Kami rela menjaga namamu</b> <b>Sejahtera Malaysia</b>	

## Kejuaraan Warga Malaysia

(Bina ayat berdasarkan kata ganda berentak di bawah)

1. keluh-kesah

---

2. gopoh-gapah

---

3. tindak-tanduk

---

4. bukit-bukau

---

5. gunung-ganang

---

6. saudara-mara

---

7. berulang-alik

---

8. selok-belok

---

9. warna-warni

---

## Semangat Patriotik

### Semangat Patriotik

#### Tiga Elemen Penting Semangat Patriotik

Amalan menghayati lagu *Negaraku*, menghormati Jalur Gemilang dan mengamalkan lima prinsip Rukun Negara dapat melahirkan warganegara yang patriotik.

#### 1 Hayati Lagu *Negaraku*

Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku  
Rakyat hidup  
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta

#### 2 Hormati Bendera Jalur Gemilang



#### 3 Amalkan Lima Prinsip Rukun Negara

Kepercayaan kepada Tuhan  
Kesetiaan kepada Raja dan Negara  
Keluhuran Perlembagaan  
Kedaulatan Undang-undang  
Kesopanan dan Kesusilaan



Jawab soalan

1. Bagaimanakah amalan menghormati dan menghayati lagu *Negaraku* dapat melahirkan murid yang patriotik?

---

---

2. Apakah pandangan kamu agar murid sentiasa menghormati lagu *Negaraku*, Jalur Gemilang dan lima prinsip Rukun Negara?

---

---